



TEKS UCAPAN

YBHG. TAN SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR

KETUA SETIAUSAHA NEGARA

SEMPENA

**PROGRAM JELAJAH TAAT SETIA MADANI
PERINGKAT NEGERI PERAK**

**5 NOVEMBER 2025 (RABU), 3.30 PETANG
IPOH CONVENTION CENTRE (ICC)**

Bismillahirrahmanirrahim.

Terima kasih kepada pengerusi majlis.

**Rakan Media serta hadirin tuan puan yang dihormati
sekalian.**

PENDAHULUAN

Tuan-tuan, puan-puan, para hadirin yang dihormati sekalian,

2. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita dipertemukan di negeri bertuah ini, Negeri Perak Darul Ridzuan.

Negeri yang bukan sahaja kaya dengan sejarahnya, malah menjadi medan perjuangan menentang penjajah suatu ketika dahulu.

3. Negeri Perak sentiasa sinonim dengan semangat keberanian, kedaulatan dan kesetiaan kepada Raja dan negara.

Justeru, amat bertepatan kita berkumpul di negeri ini untuk memperkukuh semangat taat setia yang menjadi nadi kepada pentadbiran negara.

4. Tahniah saya ucapkan kepada Akademi Kenegaraan Malaysia, Pejabat Perdana Menteri, kerana hari ini berjaya menganjurkan jelajah seterusnya iaitu Program Jelajah Taat Setia Negeri Perak. Program ini bukan sekadar sebuah acara

simbolik, tetapi ia adalah satu platform untuk mengingatkan kita bahawa taat setia perlu diterjemah dalam bentuk tindakan nyata.

5. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada pagi ini adalah bukti cinta kita kepada tanah air. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua yang hadir kerana melaksanakan sumpah perkhidmatan bukan hanya di atas kertas, tetapi dizahirkan melalui kehadiran, penyertaan dan komitmen tuan-tuan dan puan-puan.

MAKNA KESETIAAN KEPADA PENJAWAT AWAM

Hadirin yang saya hormati,

6. Apabila kita berbicara tentang taat setia, ia bukanlah konsep yang abstrak, tetapi suatu nilai yang mesti dibuktikan dalam tindakan seharian. Dalam konteks penjawat awam, taat setia bermaksud kesediaan untuk memikul amanah rakyat dan negara dengan penuh tanggungjawab. Ia adalah asas untuk memastikan kelancaran pentadbiran, keberkesanan dasar dan kepercayaan rakyat.

7. Saya kongsi lima (5) pegangan utama yang saya tekankan sebagai teras kesetiaan penjawat awam. **Pertama**, kesetiaan kepada Perlembagaan dan undang-undang. Ini bermaksud setiap penjawat awam mesti menjunjung keluhuran Perlembagaan, menghormati prinsip kedaulatan undang-undang dan tidak membenarkan sebarang kepentingan peribadi mengatasi kepentingan negara. Tanpa ketaatan kepada undang-undang, maka runtuhlah asas pentadbiran negara.

8. **Kedua**, kesetiaan dalam memberi komitmen kepada tugas dan amanah. Penjawat awam tidak boleh bertanggung atau melepaskan beban kerja kepada orang lain. Kita perlu bekerja sepenuh hati kerana amanah ini datangnya daripada rakyat. **Ketiga**, kesetiaan dalam profesionalisme. Ini bukan sahaja bermaksud menjaga etika kerja, tetapi juga menolak penyalahgunaan kuasa, memastikan integriti dan menjaga maruah perkhidmatan awam.

9. **Keempat**, kesetiaan untuk melahirkan kepercayaan rakyat. Rakyat akan menilai kita bukan melalui kata-kata, tetapi melalui kualiti perkhidmatan yang mereka terima, dan yang terakhir **kelima**, kesediaan berkhidmat demi negara bukan kerana ganjaran, tetapi kerana cinta pada tanah air. Inilah lima perkara yang mesti kita hayati dan amalkan.

MADANI SEBAGAI BUDAYA DAN AMALAN

Para hadirin sekalian,

10. Saya percaya pendekatan Malaysia MADANI yang membawa nilai-nilai amat dekat dengan kehidupan rakyat terutamanya penjawat awam. Ia bukan sekadar slogan, tetapi panduan yang membimbing kita melaksanakan tugas dengan penuh berhemah. Bagi penjawat awam, nilai ini mesti diterjemahkan secara praktikal dalam setiap tindakan.

11. Setiap keputusan yang dibuat perlu berlandaskan keadilan dan bukan semata-mata memberi sama rata, tetapi memastikan setiap rakyat mendapat hak yang sewajarnya tanpa diskriminasi.

Negeri Perak juga, saya yakin dan percaya keadilan adalah asas penting untuk mengekalkan keharmonian.

12. Dalam masa yang sama, penjawat awam mesti mengamalkan keikhlasan dalam perkhidmatan. Bekerja bukan kerana nama atau pujian, tetapi kerana amanah yang dipertanggungjawabkan. Keikhlasan membentuk budaya kerja yang jujur dan bebas daripada kepentingan peribadi.

13. Sikap terbuka juga perlu sentiasa dipupuk. Kesediaan menerima teguran, mendengar pandangan dan memperbaiki kelemahan akan menjadikan kita lebih dekat dengan rakyat. Sikap menolak dan suka mempersoalkan sebaliknya hanya mencipta jurang dan rasa jauh antara rakyat dengan pentadbiran.

14. Yang paling penting kita perlu angkat sebagai amalan dan budaya kita pada hari ini ialah nilai prihatin dan empati. Penjawat awam perlu benar-benar memahami kesulitan rakyat, sama ada golongan petani, atau masyarakat bandar. Empati

membolehkan kita mencari penyelesaian yang sesuai dengan realiti kehidupan rakyat.

15. Inilah roh Malaysia MADANI. Nilai yang menjadikan taat setia kita lebih bermakna, kerana ia tidak terhenti pada lafaz dan laungan, tetapi dizahirkan melalui khidmat yang manusiawi dan berjiwa rakyat.

MEMPERKUKUH INTEGRITI DAN KETELUSAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Tuan-tuan dan puan-puan,

16. Selain nilai-nilai murni yang telah saya sebutkan tadi, saya ingin tegaskan juga bahawa integriti, ketelusan dan keberkesanan adalah tunjang kepada sebuah perkhidmatan awam yang akan diyakini rakyat. Oleh itu, beberapa pendekatan dan garis panduan telah saya perkenalkan demi memastikan matlamat ini dicapai secara menyeluruh.

17. Antaranya, arahan dan peraturan integriti jelas bahawa mana-mana pegawai awam tidak dibenarkan untuk mengeluarkan kenyataan yang boleh menjejaskan imej kerajaan, melainkan mereka diberi kuasa rasmi untuk berbuat demikian. Ini bukan bertujuan menyekat kebebasan bersuara, tetapi bagi memastikan maklumat yang disampaikan kepada rakyat adalah tepat, bertanggungjawab dan tidak mengelirukan.

18. Saya juga mengambil contoh bahawa ketegasan pihak kerajaan dalam hal-hal yang mengaitkan salah laku penjawat awam. Sebagai contoh tindakan telah diambil terhadap pegawai yang terlibat dalam kesilapan paparan Jalur Gemilang dalam laporan keputusan peperiksaan SPM sebelum ini. Perkara seperti ini, walaupun mungkin dianggap kecil oleh sesetengah pihak, membawa implikasi besar kepada imej negara. Maka, ketegasan dalam tindakan adalah penting untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang.

19. Saya menyeru semua penjawat awam untuk sentiasa berpegang kepada prinsip akauntabiliti, profesionalisme dan

tanggungjawab dalam melaksanakan amanah yang diberikan. Setiap daripada kita memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi rakyat terhadap kerajaan dan perkhidmatan awam secara keseluruhannya.

AGENDA REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM: MENUJU PERKHIDMATAN AWAM YANG DINAMIK, CEKAP DAN BERINTEGRITI

Tuan-tuan dan puan-puan,

20. Sebagai penjawat awam, kita mempunyai tanggungjawab besar untuk memastikan bahawa perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat adalah cekap, berintegriti, dan sentiasa relevan dengan kehendak masa kini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan kepada seluruh penjawat awam di Perak atas dedikasi dan komitmen yang tidak pernah luntur dalam menjalankan amanah ini.

21. Saya juga amat menyokong inisiatif pembangunan modal insan yang dilaksanakan melalui Program Hadiah Latihan

Negeri (HLN) Perak. Program ini, dengan kursus-kursus kepimpinan strategik dan pengurusan perubahan, adalah sangat penting untuk membentuk penjawat awam yang bukan sahaja cekap dalam tugas harian, tetapi juga berwawasan jauh ke hadapan untuk menghadapi cabaran masa depan.

22. Saya ingin menegaskan bahawa kejayaan program pembangunan dan reformasi perkhidmatan awam memerlukan sinergi yang kukuh antara peringkat persekutuan dan negeri. Kita perlu terus memperkukuh nilai integriti, profesionalisme dan taat setia dalam melaksanakan tugas kita. Reformasi perkhidmatan awam bukan hanya tentang mempercepatkan proses dan menolak birokrasi, tetapi juga tentang semangat kebangsaan dan komitmen untuk berkhidmat kepada rakyat dengan penuh amanah.

23. Dengan kerjasama semua pihak, saya yakin perkhidmatan awam di Perak dan seluruh negara akan terus maju ke hadapan, menjadi contoh kepada perkhidmatan awam yang lain, dan terus

menyumbang kepada kemakmuran serta kesejahteraan Malaysia.

MEMPERKUKUH NILAI TAAT SETIA PENJAWAT AWAM MELALUI AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

Para hadirin sekalian,

24. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM), atas peranan penting yang dimainkan dalam usaha memperkukuh nilai taat setia di kalangan penjawat awam di negeri ini. Akademi Kenegaraan Malaysia bukan sahaja menjadi pusat latihan kenegaraan dan pembangunan kompetensi, tetapi juga menjadi benteng utama dalam memupuk semangat patriotisme, integriti, dan dedikasi kepada negara.

25. Melalui pelbagai program yang dilaksanakan, termasuklah program hari ini Jelajah Taat Setia Negeri Perak, serta latihan kenegaraan berteraskan nilai teras Malaysia MADANI, saya

percaya Akademi Kenegaraan Malaysia begitu komited dalam usaha mengukuhkan kefahaman dan komitmen penjawat awam terhadap amanah yang dipikul. Nilai taat setia yang tinggi ini adalah asas kepada perkhidmatan awam yang efektif, berintegriti, dan sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat dan negara.

26. Saya menyeru semua penjawat awam di Negeri Perak untuk menjadikan nilai taat setia ini sebagai pegangan dalam melaksanakan tugas harian. Integriti, profesionalisme dan semangat berkhidmat tanpa mengira pangkat adalah kunci kepada kejayaan reformasi perkhidmatan awam yang kita usahakan bersama.

PENUTUP

Para hadirin yang saya muliakan,

27. Sebagai penutup kepada program yang penuh bermakna ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat menjayakan program hari ini, terutamanya

YAB Dato' Seri Saarani Mohamad, Menteri Besar Perak, dan tidak lupa kepada semua penjawat awam Negeri Perak yang telah menunjukkan komitmen tinggi dalam menunaikan tanggungjawab dengan penuh taat setia dan dedikasi dalam setiap bidang dan kepakaran masing-masing.

28. Kita semua adalah tonggak utama dalam memastikan kelangsungan dan kecemerlangan pentadbiran negara. Nilai taat setia bukan sahaja menjadi asas dalam melaksanakan tugas, tetapi juga lambang kepercayaan rakyat kepada institusi perkhidmatan awam. Sekali lagi saya tekankan, bahawa integriti, profesionalisme, dan semangat berkhidmat tanpa mengira pangkat adalah kunci kepada kejayaan kita bersama dalam merealisasikan transformasi perkhidmatan awam.

29. Penjawat awam yang taat dan setia adalah aset negara yang tidak ternilai, dan dengan semangat inilah kita mampu menghadapi pelbagai cabaran, untuk menyesuaikan diri dengan perubahan, dan terus memberikan perkhidmatan yang

cemerlang demi kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara.

30. Saya berharap nilai taat setia yang kita semai hari ini akan terus hidup dan membara dalam jiwa setiap penjawat awam. Marilah kita bersama-sama melangkah ke hadapan dengan azam yang kukuh, memperkukuh integriti dan komitmen dalam menjalankan amanah kita

31. Akhir kata, saya ucapkan terima kasih atas kehadiran dan penyertaan semua pihak. Semoga program ini memberi inspirasi dan menjadi pemangkin kepada kecemerlangan perkhidmatan awam Negeri Perak yang kita cintai.

Sekian, terima kasih. Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.